

21/01/2000

Jangan abai pengajaran cerita jenaka

Mutazar Abd Ghani

SAYA sempat menatap tulisan Borhan Md Zain dalam ruangan "Sastera dan Budaya", Berita Minggu bertajuk, 'Cerita jenaka Melayu jatuhkan maruah' bertarikh 9 Januari 2000 bersamaan hari Ahad. Saya memahami apa yang tersurat dan tersirat melalui tulisan ini. Syabas saya ucapkan kepada Borhan Md Zain kerana masih lagi berpegang kepada apa yang diluuhkannya pada siri yang lalu mengenai cerita jenaka Melayu.

Nampaknya Borhan Md Zain begitu ceria sekali kerana telah mendapat seorang penyokong iaitu Mohd Hashim Osman yang menulis mengenai cerita jenaka Melayu dalam Berita Harian (21 Disember 1999) lalu di bawah tajuk yang hampir sama dengan Borhan.

Mohd Hashim Osman selayaknya mendalami terlebih dahulu apa yang dikatakan cerita jenaka dan jangan menghurai mengikut teori firasat sendiri saja.

Kepada Mohd Hashim perlu diingat, setiap insan yang bernama Melayu pasti tahu apa yang dikatakan cerita jenaka dan sudah pasti tahu salah satu daripada fungsinya adalah untuk pengajaran.

Orang Melayu dahulu terlebih dahulu memberi 'standard' akademik yang tinggi kepada cerita jenaka ini, cuma Melayu hari ini yang sudah kehilangan jati diri dan melupakan fungsi cerita jenaka yang terpenting iaitu untuk pengajaran.

Kita harus ingat pesanan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa dalam menghadapi globalisasi dan alaf baru kita mesti ada daya ketahanan diri.

Daya ketahanan dalaman adalah penting untuk menghadapi ancaman luaran. Jika kita mempunyai jati diri bangsa yang jitu saya tidak fikir kita akan terpengaruh dengan kolonialisme fikiran - sesuatu yang amat berbahaya. Dalam kita menganalisis sesuatu genre sastera janganlah kita terlalu taksud dengan sesuatu teori sahaja, lalu mengeluarkan sesuatu jawapan. Ketepikan emosi, gunakan pemikiran yang telus.

Saya tidak fikir cerita jenaka ini, melalui cerita Pak Pandir, Lebai Malang dan Pak Kaduk mahu memperlecehkan bangsa Melayu secara semberono sahaja. Contohnya cerita Lebai Malang, memperlihatkan kreatifnya bangsa Melayu jika ingin menyampaikan mesej.

Mesej tersebut adalah secara tersirat tanpa menimbulkan kemarahan orang yang dituju secara nyata. Kekreatifan cara penyampaian ini merangsang daya fikir setiap umat Melayu untuk memahaminya.

Jelas sekali betapa tingginya pemikiran orang Melayu. Mereka lebih awal lagi sudah ada pemikiran kreatif dan kritis, sejak sebelum kelahiran Edward De Bono lagi.

Cuma orang Melayu saja tidak mahu meneroka lebih dalam lagi pemikiran kreatif dan kritis orang Melayu. Mereka lebih selesa dengan corak pemikiran yang didatangkan dari Barat, walhal pemikiran kreatif dan kritis yang dicipta oleh bangsa sendiri lebih hebat dan menarik sekali.

Hairan sungguh, mereka lebih terpesona dengan corak pemikiran seperti yang dibawa oleh Edward De Bono.

Jelas juga menunjukkan bahawa bangsa Melayu begitu halus budi pekertinya. Bangsa Melayu sentiasa pentingkan budi bahasa dan adab sopan.

Walau macam mana marah sekali pun, budi bahasa tetap ditekankan. Walau ada harimau di dalam perut namun kambing saja yang dilepaskan. Jika marah tetap marah, tetapi masih bersifat pengajaran dan orang Melayu sentiasa berfikir bagaimana cara untuk disampaikan kemarahan yang bersifat

pengajaran. Jalannya cuma cerita jenaka yang bersifat lelucon.

Orang Melayu zaman dulu tidak cetek pemikirannya, cuma mereka tidak berpeluang untuk mendapat pendidikan tinggi. Jika berpeluang mereka sudah pasti akan menjadi orang yang hebat. Mereka belajar melalui alam terkembang yang dijadikan guru.

Setiap yang diperhati dan setiap yang dirasa akan dijadikan ilmu dan panduan serta sempadan dalam kehidupan. Mereka tahu membezakan penghinaan dan lelucon yang tidak bersifat pengajaran. Orang Melayu bukan bangsa yang begitu mudah untuk menerima sesuatu yang tidak relevan dalam kehidupannya.

Orang Melayu tetap mahu mengekalkan cerita jenaka tersebut, kerana ia boleh dijadikan bahan pengajaran dalam mendidik anak-anak. Melayu yang sejati biasanya akan belajar dari sejarah bangsanya sendiri. Yang baik dijadikan teladan yang buruk dijadikan sempadan.

Dalam dunia ini Tuhan menjadikan kejadian itu berpasang-pasang, jika ada baik, mesti ada buruk. Jika tidak berpasangan maka ia agak janggal dan kurang kesempurnaannya untuk dikaji dan dipelajari.

Cerita jenaka bukan bersifat penghinaan dan jika kita menerima cerita jenaka tersebut tidak bermakna semangat kebangsaan kita sudah pudar. Setiap yang bernama Melayu tetap setia dan cinta pada bangsanya. Sejarah sudah membuktikan pantang bangsa Melayu itu menderhaka.

Kita janganlah menutup fikiran dengan menerima sesuatu perkara yang baik sahaja, berlakunya perkara tidak baik pasti ada sebabnya. Perkara itulah yang perlu dikaji. Bukannya kita menjadi pak turut, apabila disogokkan dengan sesuatu perkara.

Dengan kematangan daya fikir kita pasti dapat membezakan mana yang baik dan mana yang buruk. Bangsa Melayu sungguh berpengalaman kerana sudah pernah merasa duduk di bawah penjajah selama lebih dari 500 tahun, mustahillah mereka tidak dapat membezakan mana yang baik dan mana yang buruk.

Kita pasti perkara yang diungkapkan dalam cerita jenaka itu sering berlaku dalam masyarakat

Melayu. Apabila kita samakan seorang tokoh agama yang tamak dan tidak berfikiran matang sama seperti burung pipit uban dan sebagainya, bukanlah bermakna menghina agama dan bangsa. Ini adalah teguran yang bersifat mengajar kepada tokoh agama dan kita tidak sepatutnya mencontohi perangai tersebut.

Tambahan pula tokoh agama ini paling berpengaruh dalam masyarakat Melayu dan jika ditegur secara terang-terangan, pasti menimbulkan perkara tidak tenteram dalam masyarakat. Teguran halus adalah jalan yang paling baik.

Tokoh agama ini kadang kala merasakan ilmu mereka sudah hebat dan orang lain tidak layak menegur. Lalu orang Melayu menciptakan cerita jenaka dan teguran ini sampai kepada sasarannya secara tanpa disedari dan memberi kesan yang paling mendalam.

Orang Melayu biasanya tidak akan menerima sebarang teguran yang disampaikan secara kasar. Golongan agama ini juga sepatutnya faham mereka juga ada kelemahan dan orang lain berhak juga untuk menegur. Sifat-sifat tamak, riak, silap mengurus masa, pamarah dan segala sifat negatif sepatutnya dihindarkan.

Golongan agama adalah contoh dan mereka sepatutnya dijadikan teladan. Jika perkara buruk yang mereka lakukan jadikanlah sempadan.

Di sinilah bezanya orang Melayu dengan bangsa lain di dunia. Orang Melayu sentiasa pentingkan kehalusan dan keindahan. Malahan dalam meluahkan sesuatu yang pahit pun memerlukan estetika yang tinggi dan menarik.

Kita tidak sepatutnya menyalahkan penjajah, sampai bila kita harus menuding jari kepada penjajah, cuma untuk menyembunyikan kelemahan bangsa sendiri.

Kita sepatutnya belajar dari kelemahan kita. Jika ada sikap ingin belajar dan memperbaiki sebarang kelemahan saya yakin bangsa kita akan hebat semula seperti zaman kegemilangan Empayar Melaka dulu.

Penjajah tiada kaitan dalam cerita jenaka ini. Malahan jutaan terima kasih kepada penjajah kerana sempat merakamkan cerita jenaka ini, kerana pada awalnya ia adalah bersifat lisan.

Usaha penjajah merakamkan cerita jenaka ini harus kita hormati, jika tiada usaha ini, sudah pasti cerita jenaka akan pupus. Bangsa Melayu adalah bangsa yang sentiasa mengenang budi. Penjajah bukan semuanya bersifat tidak baik, dalam pada yang tidak baik kita harus cari mana yang baik.

Seperti yang saya katakan pada awal tadi, Tuhan menjadikan sesuatu itu berpasangan yang tidak baik pasti ada yang baik. Jangan kita pandang penjajah itu semuanya buruk. Mana yang baik dilakukan oleh penjajah patut juga kita hormati.

Saya pernah menjawab hujah Borhan Mad Zain dalam, Berita Minggu, (Ahad, 30 Mei 1999), dan boleh rujuk semula tulisan tersebut untuk kefahaman yang lebih mendalam lagi. Saya tetap yakin dengan pendapat dan pandangan Dr Noriah Mohamed dan Dr Boris Parnickle dalam polemik cerita jenaka ini.

Malahan beliau adalah satu-satunya pakar sastera tradisional yang masih aktif pada hari ini. Saya juga bersetuju dengan pandangan Borhan supaya diadakan sesi forum dan perbincangan ilmiah kerana perbincangan Sastera Tradisional secara ilmiah sejak akhir-akhir ini sering terpinggir. Perbincangan selalu tertumpu kepada sastera moden saja.

(END)